




LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI &
INOVASI**
*(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY &
INNOVATION)*
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL.
SELANGOR



18 MAC 2011
NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
Bil. 03/2010 Pin. 1

NOTIS PENGUATKUASAAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK (AKTA 708)

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada mana-mana orang berhubung penguatkuasaan Akta 708 oleh Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Jabatan AELB) mulai 1 Januari 2011.

LATAR BELAKANG

2. Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708) telah diluluskan oleh Parlimen pada 06 Mei 2010. Akta 708 dibangunkan bagi menjamin keupayaan sistem perundangan negara untuk melaksanakan komitmen Malaysia terhadap Resolusi 1540 (UNSCR 1540) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Akta ini bertujuan mengekang kecambah senjata pemusnah besar-besaran (Weapon of Mass Destruction [WMD]) yang mungkin melibatkan aktiviti perdagangan di Malaysia.

3. Akta 708 berfungsi mengawal aktiviti eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barangan strategik, yang telah dibangunkan mengikut kategori-kategori seperti berikut:

- Kategori 0 : Bahan, Fasiliti Dan Peralatan Nuklear
- Kategori 1 : Bahan, Bahan Kimia, "Mikroorganisma" Dan "Toksin"
- Kategori 2 : Pemrosesan Bahan
- Kategori 3 : Elektronik
- Kategori 4 : Komputer
- Kategori 5 : Telekomunikasi Dan "Keselamatan Maklumat"
- Kategori 6 : Sensor Dan Laser
- Kategori 7 : Navigasi Dan Avionik

- Kategori 8 : Marin
- Kategori 9 : Aeroangkasa Dan Perejangan

Barangan ini merupakan barangan kawalan di bawah regim kawalan eksport antarabangsa seperti *Nuclear Supplier Group (NSG)*, *Wassenaar Arrangement (WA)*, *Missile Technology Control Regime (MTCR)*, *Australia Group* dan *Chemical Weapon Convention (CWC)*.

4. Akta 708 ini dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan AELB selaku Pihak Berkuasa Berkenaan telah diberi mandat mengeluarkan permit bagi strategik berkaitan nuklear di bawah Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik) 2010.

ARAHAN AELB

5. Mana-mana orang yang berurusan dengan aktiviti **eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran** barangan strategik seperti dinyatakan dalam **Perintah Perdagangan Strategik (Barangan Strategik) 2010, Akta 708 adalah dikehendaki supaya mengambil maklum dan mendaftarkan aktiviti tersebut.** Bagi memfasilitasi permohonan permit, Jabatan AELB telah melancarkan permohonan permit atas talian (*on-line system*) di bawah Akta 708 melalui Sistem e-Permit STA. Pendaftaran boleh dilakukan di laman web www.dagangnet.com bagi mendapatkan akses ke atas sistem e-Permit STA. Selepas itu, capaian e-Permit STA boleh diakses melalui alamat <http://www.mytradelink.gov.my/web/guest/4>.

6. Maklumat lanjut mengenai penguatkuasaan Akta 708 oleh Jabatan AELB boleh didapati daripada laman web Jabatan AELB di alamat http://www.aelb.gov.my/aelb/malay/teks/epermit_sta.asp.

PENUTUP

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah;

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan.
(U.P: Pn. Noor Fitriah Bakri (fitriah@aelb.gov.my; 038922 5740)
En. Faeizal Ali (faeizal@aelb.gov.my; 03-8922 5745)
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : pbs@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my